

Pencorak peribadi anak

Sinar 22/6/12 MS 7

NURUL AFIAH BAHARULDIN

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci bersih), maka kedua ibu bapalah yang bertanggungjawab sama ada menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Riwayat Muslim).

Maksud fitrah di sini adalah setiap anak dilahirkan umpama kain putih yang bersih, namun ibu bapalah yang akan mencorakkan keperibadian anak.

Mutakhir ini, pelbagai masalah sosial melibatkan anak remaja sering dipaparkan dalam pelbagai media massa seperti kes bohsia, hamil luar nikah, pembuangan bayi dan ketegihan dadah.

Amat menyedihkan apabila golongan yang terlibat adalah peringkat awal usia remaja bawah 18 tahun dan kebanyakannya bersekolah. Bagaimanalah remaja ini boleh terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat ini?

Dalam hal ini, ibu bapa antara pihak yang memainkan peranan penting dalam membanteras isu ini. Mereka adalah orang yang paling dekat dengan anak dan bertanggungjawab mendidik mereka sejak kecil lagi. Oleh itu, ibu bapa perlu peka terhadap perkembangan akhlak anak yang terbahagi tiga peringkat iaitu tahap awal kanak-kanak, tahap pertengahan kanak-kanak dan tahap baligh dan zaman remaja.

Berdasarkan pengalaman penulis yang pernah menemu bual seorang bapa mengenai pendidikan anak. Dia berpendapat ibu bapa hendaklah menjadi idola kepada anak. Kesilapan ibu bapa dalam mendidik anak pada zaman kanak-kanak akan merosakkan keperibadian anak ketika usia remaja dan dewasa.

Oleh itu, ibu bapa perlulah merancang pendidikan yang terbaik untuk anak sejak awal untuk mencorakkan masa depan mereka apabila dewasa kelak. Suasana kehidupan keluarga boleh mencorakkan perkembangan jiwa anak. Contoh sekiranya anak dididik dengan cara penghinaan atau pandang rendah, ini menyebabkan dia tiada keyakinan diri.

Sebaliknya jika anak dididik dengan kasih sayang akan mewujudkan keyakinan diri dan



Majlis ilmu dapat memberi pengisian rohani.

menghargai orang lain. Manakala kalau anak yang dibesarkan dalam suasana rumah tangga yang sentiasa bergaduh antara ahli keluarga mereka bakal melahirkan anak murung dan bersedih.

Tegasnya ibu bapa yang berjaya mencipta keluarga harmoni dan merancang pendidikan di dunia dan akhirat yang baik untuk anak, ia mampu mencorak keperibadian anak yang cemerlang apabila dewasa kelak.

Amalan ulama

Ibu bapa juga diingatkan supaya berwaspada dengan tanggungjawab menguruskan keluarga. Firman ALLAH SWT yang bermaksud: "Dan ketahuilah bahawa harta mu dan anak mu hanyalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi ALLAH ada pahala yang besar." (Surah Al-Anfal : 28).

Ujian di sini ditujukan kepada ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab dan memberikan hak yang sepatutnya kepada anak mereka. Kepentingan menitikberatkan pembangunan anak adalah amalan yang dipelopori ulama Islam sejak zaman silam berasaskan ajaran Islam bersumberkan al-Quran dan As-Sunnah dan perlu diteruskan ibu bapa pada masa kini.

Memetik kata-kata Pakar Motivasi, Prof Dr Muhaya Mohamad dalam sebuah majalah tempatan, ibu bapa juga perlu menjadi contoh tauladan terbaik kepada anak. Inilah perkara paling berharga yang ibu bapa boleh berikan kepada anak kerana anak-anak mudah mengikut perangai orang yang terdekat dengannya.

Contoh yang paling penting adalah ibadah seperti ibu bapa perlulah menunaikan solat, puasa dan bersedekah. Ibu bapa boleh mengajak



Didik anak untuk melaksanakan ibadah solat.

anak bersama-sama melakukan ibadah tersebut yang boleh mendekatkan hati mereka dengan ALLAH SWT.

Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Madya Dr Sapora Sipon dalam kajiannya Peranan Ibu Bapa Dalam Menangani Masalah Sosial, berkata, ibu bapa perlu ada strategi untuk menangani anak daripada terlibat masalah sosial.

Pertama, ibu bapa haruslah memberi kasih sayang kepada anak. Kedua, memperuntukkan masa untuk bersama dengan anak. Ketiga, disiplin yang kukuh kepada anak. Oleh itu didiklah anak sejak kecil agar mudah mendisiplinkan mereka dan menerapkan nilai murni dalam diri anak sejak mereka kecil lagi.

Justeru itu, saya menegaskan bahawa peranan ibu bapa amatlah penting dalam mendidik anak dan menangani masalah sosial. Benarlah kata penyair Arab, "Bukanlah yatim itu mereka yang ayahnya tidak menanggungnya dan meninggalkannya sesungguhnya yatim itu ialah ibunya yang sibuk dan ayahnya yang sibuk".

Oleh itu, ibu bapa perlulah memainkan peranan dan bertanggungjawab mendidik anak dengan corak yang betul mengikut landasan Islam agar dapat melahirkan keluarga yang harmoni seterusnya bakal memimpin negara

Melentur buluh
biar daripada
rebung dalam
membentuk
Muslim
cemerlang